

Malaysia terus galas tugas Ahli Majlis IMO

KUALA LUMPUR - Malaysia menerima pengiktirafan di mata dunia apabila sekali lagi dipilih untuk menggalas tugas sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) Kategori C untuk tempoh 2018-2019. Menteri Pengangkutan Dato' Sri Liow Tiong Lai berkata, Malaysia berjaya meraih sebanyak 131 undi dalam kalangan 24 buah negara yang turut bertanding dalam kategori C.

Katanya, kategori C ialah bagi negara dari kawasan geografi utama yang mempunyai kepentingan bermakna dalam lautan dan pengangkutan kapal. Kejayaan Malaysia dalam mengekalkan kerusi Majlis IMO ini memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing terhadap pentadbiran maritim negara sekali gus melabur dalam sektor peerkapalan dan pelabuhan yang semakin berkembang maju ketika ini.

"Secara tidak langsung, negara-negara ahli IMO turut mengakui sumbangan dan kepentingan Malaysia dalam IMO dan dalam sektor maritim antarabangsa" katanya menerusi siaran akhbar selepas pemilihan bagi penggal ketujuh berturut-turut itu diadakan bersempena Persidangan Agung IMO di London, hari ini.

Yang turut mengiring beliau ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Saripuddin Kassim berserta pegawai-pegawai lain. Jelas Tiong Lai, kejayaan itu adalah hasil kerjasama dan sokongan daripada setiap agensi di bawah Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Luar dalam memastikan Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Majlis IMO.

Katanya, sebagai ahli Majlis IMO, Malaysia akan menekankan peri pentingnya pembangunan sumber manusia dalam kalangan negara-negara membangun bagi memastikan semua negara ahli IMO dapat melaksanakan obligasi mereka selain mengaplikasikan konvensyen-konvensyen IMO diterima pakai.

"Sebelum ini, Malaysia mempunyai pengalaman dalam melaksanakan beberapa program pembangunan sumber manusia bagi rantau Afrika, Amerika Latin dan negara-negara dari kepulauan kecil" katanya.